

18/11/1998

Tidak perlu darurat kerana Anwar

SHAH ALAM, Selasa - Kerajaan tidak perlu mengisytiharkan darurat hanya kerana tindakan segelintir penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim yang tidak bertanggungjawab melakukan rusuhan di ibu kota, kata Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Beliau berkata, keadaan negara ini masih stabil dan keselamatan rakyat masih belum terjejas walaupun berlaku rusuhan di ibu kota terutama di Kampung Baru.

"Saya rasa buat apa kita hendak isytiharkan darurat sebab keadaan negara kita masih stabil."

"Tindakan segelintir penyokong Anwar yang tidak bertanggungjawab tidak bermakna kedudukan kita dan keselamatan rakyat terjejas, seterusnya kerajaan mengisytiharkan darurat," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat bulanan Exco Pergerakan Pemuda Umno di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas dakwaan Anwar bahawa kerajaan akan mengisytiharkan darurat selepas sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) bertujuan menghapuskan gerakan refomasi.

Hishammuddin berkata, dengan kestabilan dan keselamatan rakyat tidak terjejas, ini secara jelas menunjukkan bahawa kerajaan tidak perlu menggunakan kaedah begitu ekstrim dengan mengisytiharkan darurat.

Mengenai ada usaha pihak tertentu mempengaruhi Raja-Raja supaya mempertikaikan tindakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memecat Anwar dalam parti dan kerajaan, Hishammuddin berkata, Raja-Raja cukup bertanggungjawab dan memahami bahawa mereka diamanahkan untuk menjaga kepentingan negara dan anak bangsa.

Sementara itu, Hishammuddin berkata, Dr Mahathir akan melancarkan jentera pilihan raya Pemuda Barisan Nasional (BN) Sabah di Stadium Tertutup Likas, Kota Kinabalu pada 27 November ini.

Majlis itu akan dihadiri pemimpin tertinggi BN pusat dan negeri serta pemimpin pemuda parti komponen BN Sabah.

(END)